

**UCAPAN PERASMIAN
YB. DATUK HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN MENTERI SAINS TEKNOLOGI & INOVASI**

**SEMPENA
PELANCARAN PROGRAM CYBERSAFE PERINGKAT NEGERI
SARAWAK**

6 JULAI 2012 (JUMAAT)

**DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PETRA JAYA,
KUCHING**

BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM

SAUDARA Pengerusi Majlis

YANG DIHORMATI EN ABDILLAH BIN ADAM

PENGARAH, JABATAN PELAJARAN NEGERI SARAWAK

YANG BERUSAHA EN BENNY WEE

KETUA DIGI DI WILAYAH NEGERI SARAWAK

YANG BERUSAHA CIK MICHELLE WONG

PENGARAH PROJEK, CHILDLINE MALAYSIA

YANG BERUSAHA EN ABDUL RADZAK BIN ISMAIL

PENGETUA, SMK PETRAJAYA, KUCHING

GURU-GURU SERTA PARA PELAJAR YANG DIKASIHI

WAKIL-WAKIL MEDIA MASSA, SETERUSNYA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM WBT , SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1 MALAYSIA – RAKYAT DIDAHULUKAN , PENCAPAIAN DIUTAMAKAN

1. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK PENGANJUR KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA BAGI MERASMIKAN PROGRAM DIGI CYBERSAFE PERINGKAT NEGERI SARAWAK PADA HARI INI .

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

2. NEGARA KINI SEDANG MELALUI ERA DI MANA KITA DAPAT SAKSIKAN BETAPA PESAT DAN DINAMIKNYA PERKEMBANGAN INDUSTRI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI ATAU ICT . PENGGUNAAN ICT DAPAT DILIHAT SECARA MENYELURUH DI DALAM SEMUA SEKTOR SAMADA SEKTOR KERAJAAN , SWASTA MALAH ORANG PERSEORANGAN . PERKEMBANGAN INDUSTRI ICT YANG PESAT DI NEGARA KITA TELAH DIDORONG OLEH KEMANTAPAN SERTA PERLUASAN INFRASTRUKTUR JALUR LEBAR SEBAGAI TERAS UTAMA YANG MEMUDAHKAN LAGI PERKEMBANGAN INDUSTRI TERSEBUT DI MALAYSIA .

3. PERKEMBANGAN PESAT INDUSTRI ICT NEGARA PADA MASA KINI TELAH MENJADIKAN INTERNET SEBAGAI SATU APLIKASI YANG SEMAKIN PENTING DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN KITA . PIHAK KERAJAAN TELAH MENGAMBIL PELBAGAI INISIATIF UNTUK MEMPERLUASKAN CAPAIAN INTERNET KE SELURUH NEGARA DALAM USAHA MEWUJUDKAN MASYARAKAT MALAYSIA YANG CELIK IT DAN DALAM MASA YANG SAMA MEMBANTU KERAJAAN UNTUK MENCAPAI STATUS NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI PADA MASA DEPAN .

4. LEDAKAN INTERNET INI SEMAKIN DAPAT DIRASAI DI PELBAGAI PERINGKAT LAPISAN MASYARAKAT , TIDAK KIRA SAMA ADA DI KALANGAN KANAK-KANAK MAHUPUN ORANG DEWASA . MEREKA MENGGUNAKAN INTERNET UNTUK PELBAGAI TUJUAN SEPERTI BEKERJA , Mencari maklumat , BERMAIN ‘*ONLINE GAME*’ ATAUPUN BELAJAR . SAYA YAKIN BAHAWA ANAK-ANAK SEMUA AMAT ARIF MENGGUNAKAN INTERNET TERUTAMANYA APLIKASI SEPERTI FACEBOOK , TWITTER , EMAIL DAN SEBAGAINYA .

5. MENURUT LAPORAN PERSATUAN DIGITAL MALAYSIA (MDA), PENGGUNA INTERNET DI MALAYSIA YANG MELAYARI LAMAN WEB KINI MENINGKAT SERAMAI 1.1 JUTA KEPADA 25.3 JUTA PADA BULAN PERTAMA TAHUN INI (JANUARI) . SEPANJANG BULAN TERSEBUT , LEBIH 1.3 BILION LAMAN WEB TELAH DILAYARI PENGGUNA DI MALAYSIA .

6. SEMENTARA ITU , MENURUT LAPORAN SURUHANJAYA KOMUNIKASI & MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM) , PADA TIGA BULAN PERTAMA TAHUN 2012 , SEJUMLAH 7 DARIPADA 10 BUAH RUMAH MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN TALIAN JALUR LEBAR . MANAKALA 34 PERATUS DARI JUMLAH PENGGUNA INTERNET ADALAH GOLONGAN YANG BERUMUR DI ANTARA 21 HINGGA 30 TAHUN IAITU GOLONGAN YANG PALING RAMAI MELAYARI INTERNET , MANAKALA 6 PERATUS LAGI DI ANTARA 15 HINGGA 20 TAHUN .

7. SENARIO INI MENUNJUKKAN BAHAWA PENGGUNAAN INTERNET DI MALAYSIA TELAH BERKEMBANG DENGAN BEGITU DINAMIK DAN PESAT SEKALI DAN MELIPUTI KE PELBAGAI PERINGKAT UMUR .

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

8. WALAUPUN JUMLAH STATISTIK YANG DINYATAKAN ITU AMAT MENGUJAKAN KITA SEMUA , NAMUN KITA HARUS SEDAR BAHAWA PENGGUNAAN INTERNET TANPA KAWALAN BOLEH MENDATANGKAN KEMUDARATAN DAN BOLEH MEMBAWA KEPADA PELBAGAI BENTUK ANCAMAN SIBER YANG BERUPAYA MENJADIKAN GOLONGAN MUDA SEBAGAI SASARAN . JUSTERU , PENGGUNA INTERNET HARUS MEMPUNYAI ILMU PENGETAHUAN MENGENAI KESELAMATAN SIBER DAN PERLU SENTIASA ADA

SIKAP BERHATI-HATI DAN BERWASPADA SEWAKTU DI ALAM SIBER .

9. MENURUT STATISTIK PUSAT BANTUAN CYBER999 CYBERSECURITY MALAYSIA , SEHINGGA BULAN **JUN 2012** , TERDAPAT SEBANYAK **5,581** INSIDEN KESELAMATAN SIBER YANG DILAPOR OLEH PENGGUNA INTERNET KE PUSAT BANTUAN INI . DARI JUMLAH TERSEBUT , TERDAPAT **11 INSIDEN** YANG MELIBATKAN GOLONGAN BERUSIA 18 TAHUN KE BAWAH , MELIPUTI EMPAT (4) INSIDEN PENCEROBOHAN , DUA (2) INSIDEN PENIPUAN , DUA (2) INSIDEN GANGGUAN SIBER MANAKALA SATU (1) INSIDEN YANG MELIBATKAN MALWARE (VIRUS) , BERKAITAN KANDUNGAN DAN LAPORAN *VULNERABILITY* .

10. JUMLAH INSIDEN KESELAMATAN SIBER DI MALAYSIA BERPOTENSI UNTUK TERUS MENINGKAT , SEKIRANYA LANGKAH AWAL (PRO-AKTIF) TIDAK DIAMBIL UNTUK MEMBERI KESEDARAN SERTA PENDIDIKAN MENGENAI KEPENTINGAN KESELAMATAN SIBER DI KALANGAN PARA PENGGUNA INTERNET DI MALAYSIA .

11. JUSTERU ITU , MAKA PERLU ADA PROGRAM-PROGRAM YANG MENJURUS KEPADA MENYEDIAKAN PENDIDIKAN AWAL KEPADA SEMUA PENGGUNA INTERNET DI MALAYSIA AGAR MEREKA MENGETAHUI CARA-CARA MENGGUNAKAN INTERNET SERTA APLIKASINYA DENGAN BERHEMAH DAN LEBIH BERHATI-HATI .

PARA HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

12. SAYA BERASA AMAT GEMBIRA DENGAN ADANYA KERJASAMA STRATEGIK YANG KINI WUJUD DI ANTARA PIHAK KERAJAAN , SEKTOR SWASTA SERTA BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) UNTUK MEMBOLEHKAN KITA MEMPERLUAS DAN MEMPERTINGKATKAN LAGI PROGRAM PENDIDIKAN KESELAMATAN SIBER INI DI KALANGAN MASYARAKAT MALAYSIA, KHUSUSNYA PARA PELAJAR .

13. SAYA DIFAHAMKAN PROGRAM DIGI CYBERSAFE INI TELAH DILANJUTKAN KE DAERAH LUNDU AND SEMATAN PADA DUA HARI YANG LALU . OLEH ITU , SAYA INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK PENGANJUR PROGRAM KERANA MENGAMBIL LANGKAH YANG BIJAK UNTUK MENDEKATI PARA PELAJAR SERTA MASYARAKAT DI KAWASAN LUAR BANDAR , YANG JUGA TURUT MEMERLUKAN DIDIKAN SERTA ILMU PENGETAHUAN MENGENAI KESELAMATAN SIBER .

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN ,

14. ADALAH AMAT DIHARAPKAN AGAR PROGRAM SEUMPAMA INI DAPAT MENDEKATI LEBIH RAMAI GURU DAN JUGA PELAJAR-PELAJAR DI SEKOLAH-SEKOLAH DI SELURUH SARAWAK , BEGITU JUGA SELURUH MASYARAKAT DI NEGERI INI TIDAK KIRA DI MANA MEREKA BERADA .

15. DENGAN ITU , SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH SERTA SYABAS KEPADA DIGI TELECOMMUNICATIONS SERTA RAKAN-RAKAN KERJASAMA PINTAR IAITU KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA , CYBERSECURITY MALAYSIA , SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM) DAN CHILDLINE KERANA MERINTIS PENGGUNAAN INTERNET SECARA SELAMAT UNTUK PARA PELAJAR DAN KANAK-KANAK .

16. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN SEKALUNG TAHNIAH KEPADA GURU-GURU , MURID-MURID DAN IBU BAPA YANG HADIR PADA HARI INI KERANA MENGAMBIL LANGKAH PERTAMA UNTUK MENJADI PENGGUNA INTERNET YANG BIJAK .

17. AKHIR KATA , DENGAN LAFAZ BIMILLAHIRRAHMANIRRAHIM , SAYA MERASMIKAN PROGRAM DIGI CYBERSAFE PERINGKAT NEGERI SARAWAK .

SEKIAN , TERIMA KASIH .